

PGT 303 - PENGANTAR PENYELIDIKAN & KAJIAN TINDAKAN

PENGGUNAAN VIDEO SELF-MODELLING (VSM) DALAM MENGURANGKAN TINGKAH LAKU BERMASALAH TIDAK MEMBERI RESPON APABILA GURU MEMINTA MEMPERKENALKAN DIRI DALAM KALANGAN MURID AUTISME.



**MOHD SIRHAN ZULHILMI
BIN FERDINAND
145921**




**MUHAMMAD HAKIM
BIN ABDUL HAMID
148763**



**ANIS ADIBAH BINTI MUNIR
148795**




**JULIANA BINTI HAFIZ
149114**



**JUWAIRIYAH BINTI
MD RADZI
147944**

PENSYARAH : PROFESOR MADYA DR ASWATI HAMZAH

BAB 1



Pengenalan

Latar Belakang Kajian

Pernyataan Masalah

Objektif Kajian



PENGENALAN

- Dalam bab 1 ini akan diuraikan topik-topik penting dan asas dalam kajian ini iaitu latar belakang kajian, permasalahan kajian, dan objektif kajian.
- Kajian yang kami lakukan ini berfokus kepada murid autisme yang bertingkah laku bermasalah dengan tidak memberi respon apabila guru meminta mereka memperkenalkan diri.
- Oleh itu, kami mencadangkan penggunaan Video Self-Modelling (VSM) sebagai kaedah mengurangkan tingkah laku bermasalah ini.

LATAR BELAKANG KAJIAN



- Singkatan Autisme atau Kecelaruan Spektrum Autisme (ASD) boleh didefinisikan sebagai seseorang yang mengalami kecelaruan perkembangan pervasif berpunca daripada ketidakseimbangan neurologi.
- Kanak-kanak autisem ini mempunyai tingkah laku yang dimana mereka ini mempunyai sifat tidak yakin terhadap diri sendiri dan menyebabkan tidak pandai bersosial.
- Contohnya, ketidakupayaan interaksi sosial dapat dilihat melalui keenganan bertentangan mata dan meluahkan ekspresi muka (Noornajihan Jaafar et.al. (2020).
- Video Self-Modelling (VSM) melibatkan penciptaan video pendek menggunakan teknik video dan penyuntingan yang mudah. Video menunjukkan subjek melakukan kemahiran yang hanya di luar jangkauan mereka, tetapi berpotensi untuk dicapai. Melalui menonton video ini kemahiran itu dipelajari dengan cepat.
- Penggunaan VSM dapat membantu guru untuk mendapatkan tingkah laku yang diinginkan.

PERNYATAAN MASALAH



Murid autisme menunjukkan tingkah laku bermasalah/distruptif di dalam kelas.

Tingkah laku distruptif dikalangan kanak-kanak autisme memberi kesan kepada aspek lain seperti bahasa dan komunikasi dan tingkah laku.

Kanak-kanak autisme tidak tertarik dengan intervensi yang kompleks.


Murid autism tidak memberi respon apabila guru meminta untuk memperkenalkan diri.

TUJUAN

- Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid autism.
- Mengenalpasti kesan masalah yang dihadapi oleh murid autism.


OBJEKTIF

- Meningkatkan kemahiran memperkenalkan diri dan kemahiran sosial murid.
- Menggalakkan murid mengingat tentang maklumat pengenalan diri.



LIKE

STAN




KESIMPULAN BAB 1



Secara ringkasnya, pengkaji telah menetapkan tajuk kajian dan merangka langkah-langkah yang ingin diambil pada bab-bab seterusnya berdasarkan kerangka objektif, permasalahan kajian, dan latar belakang kajian. Kami menetapkan untuk menggunakan Video Self-Modelling (VSM) sebagai intervensi dalam kajian ini.

BAB 2



Pengenalan


Sorotan Kajian 1

Sorotan Kajian 2

Teori

Intervensi

PENGENALAN



- Dalam bab 2 ini lebih menekankan kepada konsep yang digunakan di dalam kajian yang dijalankan.
- Penekanan terhadap teori yang dapat menyokong kepada intervensi juga diberikan perhatian.
- Teori yang digunakan ialah teori pembelajaran sosial yang dikemukakan oleh Bandura.
- Intervensi yang digunakan iaitu Video Self Modeling dapat diterapkan didalam membentuk tingkah laku yang diinginkan.

SOROTAN KAJIAN 1

JURNAL : PEMANFAATAN VIDEO MODELING UNTUK
MENINGKATKAN BINA DIRI ANAK AUTIS (2020)



ooo

Kajian ini memberi fokus kepada teknik pembelajaran murid autisme dalam pengurusan diri menggunakan kaedah Video Self-Modelling (VSM).

ooo

Kaedah VSM ini telah berjaya membantu murid autisme menjalankan rutin harian pengurusan diri seperti memakai pakaian & memberus gigi dengan meniru semula perbuatan mereka.

Bias

SOROTAN KAJIAN 2

JURNAL : VIDEO SELF-MODELING INTERVENTIONS FOR STUDENTS WITH AUTISM SPECTRUM DISORDER (2016)

Jurnal ini berfokuskan kepada kaedah atau pelaksanaan VSM secara teratur dan tersusun. Berdasarkan jurnal tersebut, ia amat menggalakkan penggunaan VSM bagi membantu guru mencapai target tingkah laku yang diinginkan pada murid autisme.

Intervensi VSM ini boleh digunakan dalam pelbagai target seperti tingkah laku, kemahiran sosial dan bahasa.

TEORI PEMBELAJARAN SOSIAL

MODELLING/PENIRUAN

Proses meniru model dan menghasilkan tingkah laku hampir menyerupai tingkah laku model tersebut

MODEL


Individu yang dirujuk @ ditiru serta mempunyai pengaruh mengubah tingkah laku pemerhati

PERANGKA TEORI

TEORI PEMBELAJARAN SOSIAL

Teori Pembelajaran Sosial yang dikemukakan oleh Bandura telah memberi penekanan tentang bagaimana perilaku kita dipengaruhi oleh persekitaran melalui peneguhan (reinforcement) dan observational learning, cara memandang dan cara berfikir yang kita miliki terhadap sesuatu maklumat dan juga sebaliknya, iaitu bagaimana tingkah laku kita mempengaruhi persekitaran dan menghasilkan peneguhan (reinforcement) dan peluang untuk diperhatikan oleh orang lain (observational opportunity).






INTERVENSI

Video Self-Modelling

VSM satu inisiatif untuk guru menggunakan rakaman video murid autisme itu sendiri dijadikan sebagai model mendemonstrasikan kemahiran atau tingkah laku sasaran.

- Merangkumi aspek komunikasi dan sosial murid autism.
- Murid autism melatih diri untuk memperkenalkan diri.
- Murid autism akan memerhati dan meniru secara berulang melalui video yang memaparkan dirinya sendiri.






PELAKSANAAN INTERVENSI

Tempoh	Aktiviti	Cara Pelaksanaan	Instrumen				
Minggu 1	Modul 1 Memperkenalkan diri sendiri <ul style="list-style-type: none"> • Nama • Umur • Sekolah • Hobi 	1. Guru membimbing murid autisme memperkenalkan diri dengan menunjukkan video demonstrasi. 2. Guru meminta murid autisme mengikut video demonstrasi yang ditunjukkan.		Minggu 5	Modul 2 Memperkenalkan ahli keluarga <ul style="list-style-type: none"> • Nama ibu • Nama bapa • Nama adik-beradik 	1. Guru membimbing murid autisme memperkenalkan ahli keluarga dengan menunjukkan video demonstrasi. 2. Guru meminta murid autisme mengikut video demonstrasi yang ditunjukkan.	
Minggu 2		1. Guru meminta murid autisme memperkenalkan diri dan direkod sebagai Video Self-Modelling.		Minggu 6		1. Guru meminta murid autisme memperkenalkan ahli keluarga dan direkod sebagai Video Self-Modelling.	
Minggu 3		1. Proses pengulangan Video Self-Modelling oleh murid autism. 2. Penilaian dibuat untuk menilai tahap perkembangan murid autisme apabila menggunakan kaedah Video-Self Modelling.	- Pemerhatian - Soal Selidik	Minggu 7		1. Proses pengulangan Video Self-Modelling oleh murid autisme. 2. Penilaian dibuat untuk menilai tahap perkembangan murid autisme apabila menggunakan kaedah Video Self-Modelling.	- Pemerhatian - Soal Selidik
Minggu 4		1. Proses penilaian akhir setelah kaedah Video Self-Modelling selesai.	- Temu Bual	Minggu 8		1. Proses penilaian akhir setelah kaedah Video Self-Modelling selesai.	- Temu Bual




KESIMPULAN BAB 2



Secara ringkasnya, kajian ini berfokus kepada penggunaan teori pemodelan dimana penggunaan kaedah Video Self-modelling (VSM) dapat memberi kesan yang positif dalam pembentukan tingkah laku yang diinginkan. Ianya terbukti berdasarkan kajian yang telah dibuat di dalam jurnal terdahulu. Berdasarkan jurnal tersebut murid autism dapat meniru perbuatan yang dipaparkan dalam tayangan video.

BAB 3



Pengenalan

Kumpulan Sasaran

Kaedah Mengumpul Data

Kaedah Analisis Data

Signifikan Kajian

Jadual Pelaksanaan Kajian

Rancangan Pengajaran Harian

Rumusan Keseluruhan



PENGENALAN

Metodologi Kajian

Bahagian ini akan membincangkan mengenai model kajian, kumpulan sasaran, kaedah mengumpul data, kaedah menganalisis data, signifikan kajian, dan jadual pelaksanaan kajian.

Model Lewin




Model Kajian Tindakan Lewin



KUMPULAN SASARAN

- Pengkaji memilih lokasi di Sekolah Menengah PKKI di Kelantan.
- 7 orang pelajar terlibat
 - 3 murid autisme tahap ringan
 - 3 murid autisme tahap sederhana
 - Seorang murid autisme tahap teruk
- Masalah yang dihadapi ialah tidak mengendahkan arahan guru untuk memperkenalkan diri.

KAEDAH MENGUMPUL DATA



PEMERHATIAN

- Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan bagi menilai pemboleh ubah kajian
- Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk memerhati tahap perkembangan dan keberkesanan murid autisme meningkatkan interaksi sosial dengan menggunakan Video Self-Modelling sebagai model pembelajaran untuk memperkenalkan diri
- catatan anekdot dan senarai semak

TEMU BUAL

- Pengkaji menemu bual sampel kajian yang terlibat bagi mengumpul maklumat terperinci secara lisan
- Sesi soal jawab bersama ibu bapa dan guru mengenai tahap perkembangan murid autisme menggunakan VSM sebagai model pembelajaran untuk memperkenalkan diri

SOAL SELIDIK

- Satu set soalan berbentuk tulisan yang digunakan bagi mengumpul data kajian untuk tujuan analisis
- Dapatan kajian yang terkumpul melalui soal selidik ini akan dianalisis dalam bentuk skala bagi menilai keberkesanan sesuatu kajian
- Pengkaji menyediakan tiga pilihan jawapan untuk setiap soalan soal selidik iaitu "SELALU", "TIADA" dan "KADANG-KADANG"

✕ 📄 – KAEDAH ANALISIS DATA



Cara Pelaksanaan:

Analisis data menurut Patton (1982:268) adalah proses mengatur urutan data, menyusunnya menjadi satu pola, kategori dan unit asas. Pengkaji akan mengumpul terlebih dahulu data-data yang diperoleh mengikut konteks dan kemudian menganalisis semua data tersebut.






SIGNIFIKAN KAJIAN


Teknik Video Self-Modelling amat bersesuaian untuk murid autisme mempelajari sesuatu kemahiran atau tingkah laku yang diinginkan termasuklah cara untuk memperkenalkan diri. Selain itu, video yang telah dirakam juga boleh ditonton secara berulang kali sama ada di sekolah mahupun di rumah. Murid autisme akan sentiasa dapat belajar dan berlatih menggunakan video yang dirinya sendiri menjadi model pembelajaran. Secara tidak langsung, kaedah ini mampu mengelak murid autisme tidak memberi respon atau rasa kekok ketika sesi pengajaran dan pembelajaran kerana VSM lebih kepada kaedah pembelajaran sendiri. Di samping itu, VSM juga merupakan satu kaedah yang mudah dan kreatif untuk para guru dan ibu bapa dalam membantu murid autisme ketika proses pembelajaran. Secara tidak langsung, VSM ini dapat dihasilkan dalam pelbagai topik pembelajaran yang lain seperti kemahiran pengurusan diri dan sebagainya. Oleh itu, guru dan ibu bapa berperanan penting bagi memastikan kaedah VSM ini dapat dilaksanakan secara berkala dan berkesan.



JADUAL PELAKSANAAN KAJIAN



Bil	Aktiviti	2022			
		April	Mei	Jun	Julai
1.	Mengenalpasti masalah dan mengumpul data awal.				
2.	Merancang tindakan.				
3.	Merangka kertas cadangan.				
4.	Memilih kumpulan sasaran.				
5.	Melaksanakan intervensi.				
6.	Mengumpul data.				
7.	Menganalisis data.				
8.	Refleksi kajian.				
9.	Laporan kajian.				
10.	Pembentangan kajian.				





RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN



5.1 RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

BAHASA MELAYU - KSSM PENDIDIKAN KHAS BAHASA MELAYU KOMUNIKASI TINGKATAN 1

Mata Pelajaran	Bahasa Melayu Tingkatan 1
Kelas	Tingkatan 1 Pintar
Bilangan Murid	7 Orang
Tarikh	Isnin (12/7/2022)
Waktu	11 pagi - 12 tengah hari
Standard Kandungan	1.1 Mendengar, menyebut dan mengenal pasti perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan dan ujaran harian.
Standard Pembelajaran	1.1.1 Menerangkan semula arahan yang diberikan oleh guru atau rakan. 1.1.2 Memberi tindak balas pada arahan yang diterima daripada guru atau rakan.
Objektif	Pada akhir pembelajaran murid berupaya: 1. Murid dapat mengenal pasti maklumat terhadap arahan yang diberikan oleh guru dan rakan. 2. Menerangkan semula arahan yang diberikan oleh guru dan rakan. 3. Memberi tindak balas lisan pada arahan yang diterima daripada guru dan rakan.
Alat Bantu Mengajar	Komputer riba, LCD, kad imbasan
Tajuk	Tema kekeluargaan
Pengetahuan Sedia Ada	1. Murid mengetahui nama sendiri 2. Murid memahami struktur organisasi keluarga
Rujukan Guru	KSSM Pendidikan Khas Bahasa Melayu Komunikasi Tingkatan 1

Langkah-langkah	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Pentaksiran Formatif	Catatan
Set Induksi (15 minit)	1) Guru membuat Tagline 3L seperti "Listen, Listen, Listen" "Look, Look, Look" "Lock, Lock, Lock" "Shhhhhhhh" 2) Guru menunjukkan video berkaitan dengan tajuk pengajaran. - Video Didi & Friend "Keluarga Tiya" 3) Guru mengaitkan set induksi dengan tajuk pembelajaran. 4) Guru menyuruh murid untuk menyanyi bersama 5) Guru berkomunikasi dengan pelajar tentang pengetahuan sedia ada pelajar 6) Guru menerangkan tajuk pengajaran ialah "Keluarga Saya"	1) Murid akan menonton video yang ditayangkan oleh guru 2) Murid terlibat dalam aktiviti menyanyi sambil melihat video tayangan 3) Murid mendengar isi pelajaran hari ini daripada guru 4) Guru dan murid bersoal jawab berkenaan video yang ditayangkan sebentar tadi	BBM: - video Kaedah & Teknik: - Soal jawab Strategi: - berpusatkan pelajar dan guru
Menyampaikan Isi Pelajaran (20 minit)	1) Guru menjalankan aktiviti "Pokok Keluarga" 2) Guru memperkenalkan bahan membantu	1) Murid mendengar arahan aktiviti daripada guru 2) Murid	BBM: - Kertas - Pensil - pensil warna





mengajar yang akan digunakan

Bahan-bahan yang akan digunakan:

- a) Satu kertas mahjung
- b) Beberapa keping gambar ahli keluarga (gambar nenek, atuk, ayah, emak, adik, kakak, abang)
- c) Pensil dan pensil warna

Cara pelaksanaan:

- a) Guru menunjukkan dahahulu video berkenaan ahli keluarga supaya murid lebih faham
- b) Guru membahagikan kertas kepada murid
- c) Guru meminta murid melukis gambar pokok serta mewarnakannya
- d) Guru menyuruh murid meletakkan gambar ahli keluarga dari atuk sehingga adik beradik pada pokok lukisan mereka
- e) Guru meminta seorang

menumpukan perhatian semasa guru memperkenalkan bahan yang digunakan

- 3) Murid akan menjalankan aktiviti "Pokok Keluarga"
- 4) Murid akan membentangkan ahli keluarga mereka di dalam kelas

- Beberapa keping gambar keluarga (nenek, atuk, emak, ayah, kayak, abang, adik)

EMK:

- Kreativiti dan Inovasi

- Nilai murni

Strategi:

- Pemerhatian
-Ganjaran (Pujian)

Intervensi:

-Video
Self-Modeling (VSM)

menumpukan perhatian semasa guru memperkenalkan bahan yang digunakan semasa aktiviti dijalankan nanti

	murid untuk tampil <u>kehadapan</u> dan memperkenalkan ahli keluarganya yang di dalam lukisan pokok keluarga		
Penilaian dan Pentaksiran (20 minit)	<ul style="list-style-type: none"> 1) Guru memberikan peneguhan dan pujian kepada murid 2) Guru juga membuat peneguhan dengan bertanyakan ahli keluarga yang terdapat di dalam gambar pokok keluarga yang dipelajari 3) Guru akan memberikan latihan kepada murid mengenai ahli keluarga 	<ul style="list-style-type: none"> 1) Murid menjawab soalan yang ditanya oleh guru 2) Murid menjalankan ujian yang diberikan oleh guru 	<p>Strategi: - Pemerhatian</p> <p>PAK-21: - Pembentangan</p> <p>Nilai murni: -menghargai</p>
Penutup/Rumusan (5 minit)	1) Guru membuat kesimpulan daripada pengajaran dan pembelajaran hari ini	1) Murid memberikan fokus dan mendengar rumusan daripada guru	Kaedah: Kaedah lisan



RUMUSAN KESELURUHAN



Kesimpulan yang dapat dibuat daripada kajian ini, pengkaji dapat merumuskan ketiga-tiga bahagian atau bab dalam melakukan kajian tindakan ini yang memiliki signifikansi yang perlu diberi keutamaan. Hal ini kerana, setiap bab mengandungi kepentingan tersendiri yang wajib dan penting dalam melakukan suatu kajian terhadap sesuatu perkara.

Pada bab satu, dapat dirumuskan bahawa kajian ini dijalankan untuk mencapai tujuan yang dinyatakan dan mempunyai perkara yang penting seperti dari aspek teori dan praktikal, serta membantu meningkatkan kemahiran interaksi sosial murid-murid iaitu kanak-kanak autisme. intervensi VSM yang diselitkan mampu membantu murid-murid autisme dalam mengurangkan tingkah laku yang tidak disruptif serta mampu mengembangkan pelbagai aspek lain seperti aspek kognitif, afektif dan psikomotor.

Akhir sekali, diharapkan kajian ini memberi impak yang positif dan mendapat hasil yang memberangsangkan agar dapat memperbaiki amalan pengajaran dan juga berfungsi dalam mengubah tingkah laku yang tidak diinginkan daripada pelajar autism justeru dapat meningkat kemahiran mereka dalam pelbaga aspek kelak.

Terima
Kasih